

Buletin

Perpustakaan Pusat Perubatan UKM

<http://lib.hukm.ukm.my>



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

Selamat Datang Pelajar Baru Sesi 2008/2009

Isu ke-3 - Jun 2008

Sistem CLM (Computer Lab Management) di Perpustakaan PPUKM

Oleh: Encik Azlan Mohamad Hamzah

Bermula April 2008, Perpustakaan PPUKM secara rasminya telah melaksanakan sistem pengurusan makmal melalui perisian CLM (Computer Lab Management) yang dibangunkan oleh pihak ZettaSoft Sdn. Bhd setelah melalui tempoh percubaan selama enam bulan.

Terdapat pelbagai manfaat yang boleh diperolehi oleh pelanggan dan juga perpustakaan dalam pelaksanaan perisian ini. Antaranya ialah:

- Pendaftaran secara dalam talian menggunakan kaedah *thumb print*.
- Pelanggan boleh memilih komputer yang hendak digunakan secara layan diri melalui *host* pendaftaran.
- Statistik penggunaan komputer boleh diperolehi melalui sistem.
- Memudahkan kawalan ke atas komputer di mana semua komputer boleh dibuka dan ditutup secara berpusat.
- Pemantauan penggunaan internet boleh dibuat secara berpusat oleh Kakitangan Perpustakaan.
- Sesuatu mesej dan pengumuman boleh dihantar terus kepada pelanggan melalui sistem ini.
- Tempoh penggunaan setiap komputer boleh ditetapkan melalui sistem. Contohnya: selepas 2 jam komputer digunakan, ia akan *logoff* secara automatik.

Di samping itu, sistem ini juga dipasang dengan perisian yang dapat menghalang sebarang pengubahsuaian seperti perbuatan menginstallasi perisian yang tidak berkaitan dan ubahsuai pada sebarang aplikasi komputer.

Oleh yang demikian, Perpustakaan mengharapkan agar melalui pelaksanaan sistem ini, perkhidmatan dan kemudahan yang lebih berkualiti khususnya kemudahan Makmal Multimedia dan komputer dapat disediakan untuk kepuasan pelanggan.



Sistem CLM - Administration Module



Pendaftaran pertama kali



Pendaftaran *thumb print* setiap kali menggunakan PC



Pelanggan menggunakan PC yang dipilih



Makmal Multimedia dengan kemudahan CLM

Lagi di dalam . . .

Berita Kakitangan > Majlis Perpisahan & Pertukaran Tempat Kerja > Kenaikan Pangkat > Kakitangan Baru > Takziah | Pangkalan Data Baru | Aktiviti Perpustakaan PPUKM | Ulasan Buku | Bengkel, Seminar & Lawatan

Sidang Redaksi

Penasihat
Maimunah Kadir

Sidang Pengarang
Wan Suhaimi Ariffin
Azman Idris
Mariati Embong
Azlan Mohamad Hamzah
Roslinda Abd. Rauf
Jamaludin Abdul Samad

Grafik/Layout
Arzian Azwani Aris

Waktu Pembukaan / Penutupan
Perpustakaan

Isnin-Jumaat 8.00 pagi - 10.00 malam
Sabtu 9.00 pagi - 2.00 petang

* Tutup pada hari Sabtu minggu pertama,
Ahad dan hari kelepasan am.

Waktu Pembukaan / Penutupan
Perpustakaan Semasa Minggu
Peperiksaan

Isnin-Jumaat 8.00 pagi - 11.00 malam
Sabtu 9.00 pagi - 4.00 petang

* Tutup pada hari Sabtu minggu pertama,
Ahad dan hari kelepasan am.

Hubungi kami di:

Perpustakaan Pusat Perubatan UKM
Tingkat 3, Kompleks Pendidikan Perubatan
Canselor Tuanku Ja'afar,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.
Tel: +603-91455330

<http://lib.hukm.ukm.my>

Takziah

1. Ibu kepada Cik Norhayati binti Rased telah kembali ke rahmatullah pada 22 Februari 2008 (Jumaat) di Hospital Sungai Siput, Perak.

2. Bapa kepada Encik Azlan bin Hj. Mohamad Hamzah telah kembali ke rahmatullah pada 13 Mac 2008 (Khamis) di Banting, Selangor.

Warga Perpustakaan PPUKM mengucapkan takziah kepada mereka sekeluarga. Semoga roh Allahyarhamah dan Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan solehah. Al-Fatihah.

Berita Kakitangan

Majlis Perpisahan & Pertukaran Tempat Kerja



Pada 8 Mac 2008, warga Perpustakaan PPUKM telah mengadakan jamuan perpisahan untuk Encik Khairul Azmi bin Talkili dan Encik Roslan bin Abdul Manan. Majlis ini turut diserikan dengan kedatangan Ketua Pustakawan, Encik Abu Bakar Maidin dan penyampaian cenderamata dari Puan Maimunah Kadir. Tahniah dan semoga maju jaya untuk kedua kakitangan tersebut.

Kenaikan Pangkat / Kakitangan Baru

Tahniah !!

1. Cik Mariati binti Embong yang telah dinaikkan pangkat dari Pustakawan gred S41 ke Pustakawan Kanan gred S44. Beliau akan ditempatkan di Perpustakaan Dr. Abdul Latiff mulai 7 Julai 2008.

2. Encik Roslan bin Abdul Manan telah dinaikkan pangkat dari Pembantu Perpustakaan gred S22 ke jawatan Pegawai Tadbir gred N41 dan ditempatkan di Unit Rekod Pusat Perubatan UKM.

3. Puan Arzian Azwani binti Aris dan Cik Siti Salmah binti Md Yusof telah diserapkan ke jawatan tetap Pembantu Perpustakaan S17.

4. Encik Khairul Azmi bin Talkili, Pembantu Perpustakaan S17 dilepaskan dengan izin setelah mendapat jawatan sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur.

5. Kakitangan baru, Puan Saripah bt Ismail, Pembantu Tadbir Rendah N11 dan ditempatkan di Bahagian Pentadbiran.

6. Cik Noraini Mat Ali telah dilantik sebagai Pustakawan gred S41 mulai 4 Jun 2008 dan ditempatkan di Perpustakaan PPUKM.



Dari kiri; Puan Hayati, Encik Roslan Abdul Manan, Encik Khairul Azmi Talkili, Encik Mohd Afandi, Cik Siti Salmah, Puan Diyana dan Puan Arzian.



Dari kanan; Cik Mariati dan pegawai-pegawai perpustakaan.



Puan Saripah Ismail



Cik Noraini Mat Ali



Pelajar dari Shandi University, Sudan mendengar taklimat mengenai CLM pada 21 Januari 2008



Profesor Agostino Pierro menandatangani buku pelawat sambil diperhatikan oleh Puan Maimunah



Pameran Perpustakaan sempena Sambutan Hari Polis di Lobi PPUKM



Lawatan dari Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 3 April 2008



Kunjungan dari Pelajar Kejururawatan Ibnu Sina Nursing Academy, Sabang, Aceh pada 14 Februari 2008



Puan Maimunah menerangkan penggunaan mesin pemulangan layan diri kepada pelawat dari Kumpulan Pustakawan Perubatan (MLG)



Peserta lawatan dari Universiti Macau bergambar kenangan bersama pustakawan



Sesi taklimat ringkas dari pustakawan kepada Encik Talut Solaiman dari ICDDR, Bangladesh pada 21 Februari 2008.

Pertandingan Jejak Maklumat sempena bulan membaca 2008 telah berlangsung di PTSL pada 15 Mei 2008 dan disertai oleh 14 kumpulan KIK dari Perpustakaan UKM.



Pertandingan KIK antara Perpustakaan UKM telah berlangsung pada 17 Disember 2007 bertempat di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan PPUKM telah diwakili oleh KIK Maya dan KIK Siber.



Puan Maimunah selaku juri



KIK Maya



KIK Siber

Bengkel Amalan Seragam Perpustakaan (ASP) telah diadakan di Puri Pujangga, UKM dari 6-8 Mei 2008. Di antara fokus bengkel ini adalah senyum kepada pelanggan, teknik menjawab telefon, perkhidmatan di kaunter, tunjuk arah, membantu dan menegur pelanggan



Gambar sumbangan Ahmad Nizam Shaari (PTSL).

Audit Pengawasan MS ISO 9001:2000 Perpustakaan PPUKM

Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan Pusat Perubatan UKM yang telah melepasi Audit Pengawasan MS ISO 9001:2000 yang telah diadakan pada 30 Mei 2008 oleh Pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Terima kasih kepada warga PPUKM yang telah memberikan kerjasama dalam menayakan audit tersebut.




Anugerah Kualiti Perpustakaan UKM

Majlis penghargaan perkhidmatan kakitangan Perpustakaan UKM telah diadakan pada 14 Disember 2007 bertempat di Bilik Senat, UKM. Antara penerima anugerah :



1. Encik Wan Suhaimi Ariffin - Anugerah Ketua Pustakawan
2. Cik Nurnaemah Marudin - Anugerah Kakitangan Harapan
3. Encik Khairul Azmi Talkili - Anugerah Petugas Kaunter Terbaik
4. Cik Mariati Embong - Anugerah Inovasi Perpustakaan
5. Encik Azlan Mohamad Hamzah - Anugerah Khidmat Masyarakat

Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah!!!



Encik Jamaludin antara kakitangan yang menghadiri **Pesta Buku Antarabangsa KL** yang berlangsung dari 4-13 April 2008 di PWTC.

Pelancaran Indeks Jurnal Perubatan



Dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Paduka Dr. Mazlan Ahmad pada 5 September 2007, di PTSL, Indeks jurnal perubatan merupakan penerbitan indeks jurnal-jurnal terpilih iaitu New England Journal Medicine (NEJM), British Medical Journal (BMJ), The Lancet dan Medicine & Health Journal. Layari <http://lib.hukm.ukm.my> untuk maklumat lanjut.



Sistem e-Rak

Kumpulan KIK Maya Perpustakaan PPUKM telah memperkenalkan sebuah sistem baru iaitu Sistem e-RAK (Rakan Akses Koleksi). Ia bertujuan memudah dan mempercepatkan pelanggan mengesan lokasi rak buku di koleksi Am setelah mendapat nombor panggilan buku daripada GEMILANG secara dalam talian. Untuk maklumat lanjut mengenai e-Rak, sila layari <http://lib.hukm.ukm.my/e-rak>

Kenali KIK Maya

Fasilitator

Encik Azlan Mohamad Hamzah

Ketua Kumpulan

Encik Jamaludin Abdul Samad

Ahli-ahli:

Puan Roslinda Abdul Rauf

Cik Noraini Mat Ali

Encik Mohd Afandi Hj. Hashim

Encik Muhammad Farid Zainal Azman

Cik Siti Salmah Md Yusof

Puan Arzian Azwani Aris




Pakaian batik seragam perpustakaan yang dipakai setiap khamis minggu pertama setiap bulan.



Sebahagian koleksi buku di Perpustakaan Hospital Teluk Intan, Perak yang diperuntukkan oleh Perpustakaan PPUKM



Buku Baru



Oncology: An Illustrated Colour Text


by Orla McArdle and Deirdre O'Mahony

Publisher: Churchill Livingstone

ISBN-13 : 978-0443103742

Call No : 9 HUKM QZ200.M4773o 2008

This highly illustrated, introductory text on all aspects of oncology is aimed at the non-specialist who needs a factual overview of cancer incidence and treatment. It covers the management of all the major cancers - including lung, breast, GI, gynecological, genitourinary, etc. - as well as general principles of patient management, the main treatment options for any form of cancer, oncological emergencies and palliative care.



Building the reflective healthcare organization


by Tony Ghaye

Publisher: Blackwell Publishing

ISBN-13 : 978-1405105897

Call No : 9HUKM W84.G411b 2008

Healthcare organisations have to manage change in order to evolve and improve care. This book explores the use of reflective practice as a practical tool to examine growth and change and to develop an effective health care organisation.



Laser Dermatology: Pearls and Problems


by David J. Goldberg

Publisher: Blackwell Publishing

ISBN-13 : 978-1405134200

Call No : 9HUKM WR650.G618L 2008

Laser Dermatology: Pearls and Problems is different from other laser dermatology books. Each of the five chapters begins by highlighting key points and essential concepts then focuses on the pearls and problems for each area - based on the author's vast experience in the field of laser dermatology.



Case Studies in immunology

by Raif S. Geha and Fred S. Rosen

Publisher : Taylor & Francis Inc

ISBN-13 : 978-0815341451

Call No : 9HUKM WD300.G311c 2008

Case Studies in Immunology, Fifth Edition, cites major topics of immunology as the background to a selection of real clinical cases that serve to reinforce and extend the basic science. This new edition vividly illustrates the importance of an understanding of immunology in diagnosis and therapy. As well as being a valuable review aid,

Textbook of Diabetes and Pregnancy


edited by Moshe Hod, Lois G. Jovanovic, Lois G. Jovanovic, Gian Carlo Di Renzo,

Publisher : Informa Healthcare

ISBN-13 : 978-0415426206

Call No : 9HUKM WQ248.T355 2008

In past years, there have been numerous forums for presentation and discussion of new research findings related to both pregestational and gestational diabetes mellitus. Textbook of Diabetes and Pregnancy provides this information in an educational format. The textbook not only documents the past 80 years of progress in the field, but also presents the most up-to-date tools, techniques, and management protocols to ensure the optimal outcome of pregnancies complicated by diabetes. A scan of the table of contents shows that every topic has been covered from every angle. The editors have put together a panel of world-renowned authors who provide the highest level of evidence-based literature and data upon which a decision can be made about optimal care.



Bengkel, Seminar & Lawatan

Evidence-Based Librarianship: Train The Trainers' Workshop



Bengkel ini telah dihadiri oleh Encik Azman Idris dan Encik Azlan Mohamad Hamzah di Perpustakaan Hamdan Tahir, Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan pada 25-26hb Mac, 2008. Peserta diperkenalkan kepada konsep EBM di mana ia dapat meningkatkan pengetahuan bagaimana untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan betul.



Lawatan Sambil Belajar ke Perpustakaan Akademik di Bangkok



Perpustakaan UKM telah menganjurkan Lawatan Sambil Belajar ke Perpustakaan Akademik di Bangkok pada 8-12 Mac 2008. Seramai 9 orang Pustakawan telah mengikuti program ini dengan diketuai oleh Ketua Pustakawan UKM, Encik Abu Bakar Maidin. Perpustakaan PPUKM diwakili oleh Encik Wan Suhaimi Ariffin. Rombongan UKM telah melawat tiga buah Perpustakaan akademik iaitu Mahidol University Library and Information Center, Thammasat University Libraries, Chulalongkorn University Centre of Academic Resources dan sebuah Perpustakaan Khusus/Perubatan iaitu Siriraj Medical Library. Objektif lawatan adalah untuk melaksanakan projek penandaarasan, menjalin kerjasama dan perkongsian maklumat dengan perpustakaan akademik di Thailand.

The 6th Annual Library Leadership Institute

Kursus ini telah diadakan pada 18 – 22 April 2008 dan dihadiri oleh Cik Mariati Embong. Kursus yang diadakan di Shantou University, China ini telah disertai oleh pustakawan dari beberapa negara seperti Korea, China, Hong Kong, Filipina dan Indonesia.

Kursus ini mendedahkan pustakawan dengan teknik-teknik pengurusan perpustakaan di samping mendapat peluang mengetahui perkembangan perpustakaan dari negara-negara peserta yang lain.



International Nursing Conference

Puan Maimunah Kadir telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Formulating Search Strategy' sempena International Nursing Conference pada 20 Mac 2008 di Hotel Legend, Kuala Lumpur.



I-Group Conference

Cik Mariati Embong telah menghadiri Conference The Role of the Library in the Virtual and Collaborative World – 2007 yang diadakan di Hunan University, Changsa, China pada 18 - 20 Oktober 2007. Selain daripada menghadiri persidangan, peserta juga berpeluang melawat Perpustakaan di Hunan University.

Bengkel, Seminar & Lawatan

Pakej Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) ke New Delhi Book Fair, 24-29 Februari 2008

Puan Maimunah Kadir, Ketua Perpustakaan PPUKM telah menyertai Pakej PPM ke New Delhi Book Fair. Agenda yang diadakan setiap dua tahun sekali ini membolehkan semua Pustakawan membuat pemilihan buku di Pesta Buku tersebut. Seramai 22 peserta telah mengikuti pakej tersebut yang terdiri dari 9 orang Pustakawan UKM, UDM, IMU, dan BMI. 7 orang pensyarah dari IMU, BMI, UPSI, dan UDM. 6 orang pembekal buku tempatan diwakili oleh Intrabakti, Koperasi UPSI, RIMA Enterprise dan Nijuyon.



Bengkel Standard Perpustakaan Perubatan



Kumpulan Pustakawan Perubatan Malaysia (MLG) telah menganjurkan Bengkel Standard Perpustakaan Perubatan di Hotel M-Suites, Johor Bahru dari 29 November hingga 30 November 2007. Bengkel 2 hari ini telah menghimpunkan 20 orang Pustakawan Perubatan dari seluruh Malaysia khusus untuk menyediakan satu Standard Perpustakaan Perubatan yang komprehensif untuk dimajukan kepada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) sebagai panduan audit Fakulti Perubatan di Kolej dan Universiti swasta di masa hadapan. Perpustakaan PPUKM diwakili oleh Puan Maimunah Kadir dan Encik Wan Suhaimi Ariffin.

Wacana Pengkatalogan Perpustakaan UKM

Wacana Pengkatalogan telah diadakan pada 25-26 Mac 2008 bertempat di Puri Pujangga, UKM. Ia bertujuan mengkaji, menilai dan mengemaskini prosedur Pengkatalogan untuk disesuaikan dengan keperluan semasa dan objektif kualiti yang ditetapkan. Perpustakaan PPUKM diwakili oleh Cik Mariati Embong, Cik Noraini Mat Ali dan Encik Jufri Mat Saan.

